

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
(INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN [INDERA MAHKOTA]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah wang yang telah dihantar ke luar negara oleh pekerja-pekerja asing yang bekerja di negara ini. Nyatakan mengikut tahun bermula dari tahun 2010 dan negara asal pekerja asing ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 mula berkuat kuasa pada Disember 2011 dengan memansuhkan Akta Pengurusan Wang 1998. Akta baharu ini menyokong pembangunan industri perniagaan perkhidmatan wang (terdiri daripada perniagaan pengurusan wang, perniagaan pengiriman wang dan perniagaan wang borong) yang lebih dinamik,

berdaya saing dan profesional, sambil memperkukuh perlindungan daripada pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan aktiviti haram.

Akta ini menyediakan satu rangka kerja tunggal yang seragam untuk pemegang lesen yang menjalankan perniagaan pengurusan wang, perniagaan pengiriman wang dan perniagaan wang secara borong yang pada masa ini ditadbir di bawah tiga akta berasingan, iaitu Akta Pengurusan Wang 1998, Akta Sistem Pembayaran 2003 dan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

Sehubungan itu, jumlah wang yang dihantar ke luar negara untuk ganjaran dan pampasan pekerja asing di Malaysia serta destinasi utama kiriman wang ke luar negara untuk tahun 2012 hingga 2015 adalah seperti berikut :

Bagi tahun	2012	2013	2014	2015
Jumlah kiriman keluar (RM juta)	18,358	22,717	28,208	34,753
Pertumbuhan tahunan (%)	16.9	23.7	24.2	23.2
di mana 5 destinasi utama: (RM juta)				
Indonesia	2,957	4,281	5,316	6,208
Bangladesh	3,032	3,234	3,806	4,621
Nepal	1,991	2,693	3,178	3,649
India	625	1,329	1,688	1,958
Filipina	561	819	965	1,125